



GALERI MEDIA SERBANNAKA

No.28 Jalan Pahang Barat
Off Jalan Pahang
53000 Kuala Lumpur

T: 03-40213343 F: 03-40255609

Ruj: GMSB/HR/BERSARA/MJ/09
Tarikh: 10 Disember 2024

Kepada

TUAN HAJI MAZLAN JUSOH

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Tuan,

SURAT TAMAT PERKHIDMATAN - PERSARAAN WAJIB

Dengan hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

Adalah dimaklumkan bahawa tuan telah mencapai umur persaraan wajib iaitu 60 tahun pada tarikh 10hb Januari 2025 Oleh itu, pihak syarikat ingin memaklumkan bahawa perkhidmatan tuan akan tamat pada tarikh tersebut, selaras dengan polisi syarikat.

Sehubungan dengan itu, tuan diminta untuk memastikan segala tugas dan tanggungjawab yang berkaitan diselesaikan sebelum tarikh tamat perkhidmatan. Tuan juga diminta untuk menyerahkan segala dokumen atau aset syarikat sekiranya ada, kepada pihak yang berkenaan.

Pihak kami ingin mengambil peluang ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih atas segala sumbangan, komitmen, dan dedikasi tuan sepanjang tempoh perkhidmatan. Usaha dan kerjasama yang diberikan selama ini sangat dihargai dan meninggalkan impak yang bermakna kepada organisasi.

Kami mendoakan yang terbaik untuk tuan dalam fasa kehidupan yang seterusnya.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

AHMAD FADHLI BIN SHAARI
Ketua Pegawai Eksekutif

Sk Ketua Pegawai Operasi
 Bahagian Kewangan
 Fail